

PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani pada 5 Ogos 1957 antara Raja-raja Melayu dengan Sir Donald MacGillivray bagi pihak Queen Elizabeth II di King's House, Kuala Lumpur. Perjanjian ini dijadikan asas pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.



Inti Pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

Pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen

- Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dalam kalangan Raja Melayu setiap lima tahun sekali.
- Keistimewaan ini termaktub dalam Bahagian IV, Negeri Persekutuan Perkara 32(1).

Kewarganegaraan

- Setiap orang yang dilahirkan dalam Persekutuan pada atau selepas hari merdeka akan menjadi warganegara.
- Tiga cara menjadi warganegara ialah Penguatkuasaan Undang-Undang (Perkara 14),) Memohon didaftarkan sebagai rakyat (Perkara 15) dan Memohon untuk menukar kewarganegaraan atau naturalisasi (Perkara 19).
- Termaktub dalam Bahagian III, Warga Negara Perkara 14(1).

Kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain

- Perjanjian Persekutuan memelihara kedudukan istimewa orang Melayu.
- Semua rakyat Persekutuan Tanah Melayu mempunyai hak serta kewajipan yang sama.
- Rakyat keturunan Melayu diberikan keutamaan kerana status mereka sebagai rakyat asal Tanah Melayu.
- Hak untuk masyarakat lain tetap dipelihara dan dilindungi.
- Termaktub dalam Perkara 153(1).

Kedudukan agama Islam

- Menjadi agama Persekutuan.
- Agama lain boleh diamalkan dengan aman.
- Termaktub dalam Perkara 3(1).

Kedudukan bahasa Melayu

- Diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan.
- Dijadikan bahasa pengantar dan bahasa komunikasi.
- Termaktub dalam Perkara 152(1).